



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sarawak Hidup



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA  
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### PEMBUKAAN PEJABAT SATELIT KOTA BHARU LANGKAH BERTERUSAN MyIPO BANTU USAHAWAN TEMPATAN

**KOTA BHARU, 19 FEBRUARI 2025** – Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) memperluas akses perkhidmatan kepada masyarakat dan usahawan di negeri Kelantan dengan pembukaan Pejabat Satelit yang terletak di Al-Waqf Garden Boulevard @ Tunjong, Kota Bharu, Kelantan. Langkah strategik ini bertujuan memperluas akses perkhidmatan MyIPO kepada masyarakat dan usahawan di wilayah timur, khususnya di negeri Kelantan. Sebelum ini, usahawan di Kelantan perlu ke Pejabat Cawangan MyIPO di Kuantan, Pahang, bagi urusan pendaftaran harta intelek.

Majlis perasmian Pejabat Satelit telah disempurnakan oleh Pengerusi MyIPO, YBrs. Ts. Dr. Mohd Zuhar Mohd Zain. Sebelum ini, MyIPO telah membuka Pejabat Satelit di Terengganu dan Perak, pada tahun lalu serta di Kedah pada awal tahun ini. Pembukaan pejabat di Kota Bharu menandakan komitmen berterusan MyIPO dalam memudahkan akses perkhidmatan kepada masyarakat di seluruh negara.

Dalam tempoh lima tahun terakhir, dari 2020 hingga 2024, sebanyak 1,363 permohonan harta intelek telah diterima daripada Kelantan, menunjukkan peningkatan kesedaran dalam kalangan usahawan dan pencipta tempatan. Dengan adanya Pejabat Satelit MyIPO Kota Bharu, masyarakat kini mempunyai pusat rujukan yang lebih mudah diakses untuk mendapatkan maklumat dan perkhidmatan berkaitan pendaftaran cap dagangan, paten, reka bentuk perindustrian, hak cipta, serta petunjuk geografi.

Kelantan mempunyai potensi besar dalam bidang harta intelek, terutama dalam aspek warisan budaya dan keusahawanan. Produk seperti Wau Bulan, serta makanan warisan seperti Nasi Kerabu dan Ikan Bekok memiliki nilai komersial tinggi yang boleh diperkuat melalui perlindungan harta intelek. MyIPO menggalakkan lebih ramai usahawan untuk mendaftarkan jenama dan produk mereka bagi memastikan keaslian serta kelestarian warisan negeri ini terus terpelihara.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) MyIPO, Sheikh Arifin Sheikh Mohd Noor dan Timbalan Pengarah KPDN Kelantan, Tn. Aswadi Jaafar.

## TAMAT

---

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media, sila hubungi:

ENCIK AKHTAR BIN SAHARI  
Ketua Komunikasi Korporat  
T: 012-6725667  
E: [akhtar@myipo.gov.my](mailto:akhtar@myipo.gov.my)

CIK EMELIADIANA BINTI ALAWI  
Pengawai Komunikasi Korporat  
T: 011-19815143  
E: [emeliadiana@myipo.gov.my](mailto:emeliadiana@myipo.gov.my)

Perbadanan Harta Intelek Malaysia,  
Menara MyIPO, PJ Sentral,  
Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52,  
46200 Petaling Jaya, Selangor.  
Tel : 603 – 7496 8900  
Emel : [jpmalaysia@myipo.gov.my](mailto:jpmalaysia@myipo.gov.my)  
Laman web : <http://www.myipo.gov.my>

### **PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)**

MyIPO merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab untuk pembangunan dan pentadbiran sistem hak harta intelek (IPR) di Malaysia. MyIPO menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang berkesan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti.